



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	TNB			

Kosmo 27.12.2021-4

Mangsa banjir dapat rebat one off TNB bagi bil Disember



HULU LANGAT - Seramai lebih 72,000 pelanggan domestik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini bakal menerima manfaat rebat 100 peratus secara *one off* bagi bil elektrik Disember ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan rebat 100 peratus oleh TNB itu adalah untuk meringankan beban penduduk yang terjejas.

"Kita tahu rumah-rumah ini telah tenggelam lama di dalam air menyebabkan pelbagai kerosakan seterusnya menjadikan ia merbahaya.

"Sejak Jumaat lalu, TNB telah melaksanakan kerja pemeriksaan pendawaian secara percuma dengan soko-

ngan Persatuan Rakan Niaga Strategik Malaysia (Pernisma) dan kontraktor elektrik bertauliah.

"Saya juga minta TNB untuk membantu kediaman penduduk B40 yang terjejas akibat banjir supaya bekalan elektrik disambung semula," katanya.

Dalam pada itu, ujarinya, Perodua turut bersetuju untuk memberi diskaun 50 peratus untuk kos alat ganti kenderaan serta kos upah percuma.

Beliau turut mengalakkan syarikat-syarikat lain untuk mengikuti inisiatif tersebut bagi meringankan pemilik kenderaan yang ditenggelami air banjir.

"Saya difahamkan Menteri Kewangan sedang berunding dengan syarikat kereta lain seperti Proton dan sebagainya.

"Saya berharap syarikat lain dapat ikut Perodua atau memberikan inisiatif yang lebih baik daripada Perodua," ujarinya.

